



Oleh Dr Abdul Rashid Abdul Aziz

Khidmat kaunseling, psikologi majukan insan

Kenyataan yang dikeluarkan Datuk Seri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Keluarga, Wanita dan Masyarakat baru-baru ini mengenai keperluan ditingkatkan khidmat kaunselor terlatih dan berdaftar jelas menunjukkan kepekaan kerajaan terhadap perkembangan bidang psikologi dan kaunseling dalam mendepani cabaran masyarakat semasa. Ia jelas satu keperluan kepada negara bagi menambahkan kaunselor berdaftar kerana ia sangat perlu dilakukan berikutan kekurangan tenaga terlatih bidang ini yang begitu kritikal.

Sudah berdekad lamanya sejak seawal Dasar Ekonomi Baru digubal dan negara mula mengorak langkah membangunkan manusia sebagai modal insan negara, bidang ini semakin berkembang. Ini turut melibatkan komitmen beberapa universiti awam (UA) dengan mewujudkan pengajian berasaskan psikologi dan bimbingan kepada khidmat kaunseling. Sudah tentulah dalam aspek pengajian psikologi dan kaunseling ini antara universiti terlibat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Kekuatan pembangunan Malaysia jelas tidak ketinggalan dari arus pembangunan insan seiring matlamat memajukan negara dengan mengejar kekayaan serta kemakmuran. Aspek fizikal negara dan rakyat dilihat seiring dengan pembangunan manusiawi. Mungkin ada lagi ilmu khusus yang diperlukan bagi memantapkan bidang kajian kemanusiaan di negara ini tetapi asas dan komitmen itu wujud dan tersedia.

Kementerian Pendidikan Tinggi juga menerusi UA jelas menjadi benteng ketahanan nasional dalam soal kajian kemanusiaan. Syor dan pandangan menerusi kajian dan juga penelitian serta kertas kerja dijanakan ahli akademik ada yang mendapat perhatian kepimpinan negara.

Bahkan dengan pemberian yang boleh sifatkan sebagai hadiah dan subsidi kepada ahli akademik dari segi kemudahan geran kajian serta kemudahan lain membenteng kertas kerja di seminar tempatan dan antarabangsa jelas satu komitmen negara terhadap ilmu dan ahli akademik.

Dalam hal ini aspek kajian terhadap manusia dari segi mental dan emosi tetap berlangsung secara aktif. Saban tahun ramai pelajar jurusan psikologi dan kaunseling bergraduasi dan juga diterima masuk memulakan pengajian mereka dalam bidang ini di beberapa UA, termasuk UKM sendiri, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan

Universiti Sains Malaysia (USM). Mungkin bidang ini perlukan sebuah universiti atau kolej universiti yang khusus bagi bidang psikologi dan kaunseling ini.

Kewujudan Akta Kaunselor 1998 yang juga dikenali sebagai Akta 580 jelas menunjukkan seriusnya usaha kerajaan negara kita ini terhadap keperluan mewujudkan 'komuniti kaunselor' yang benar-benar terlatih. Bahkan kaunselor berdaftar ini juga adalah individu terlatih menerusi pengajian mereka di universiti serta sudah cukup kemahiran dan teknik yang diperlukan bagi diaplikasikan kepada masyarakat.

Pendedahan Rohani kini hanya wujud 5,000 individu yang disahkan sebagai kaunselor berdaftar dengan pihak kementerian jelas menunjukkan betapa kurangnya tenaga terlatih dan pakar di bidang bimbingan kaunseling ini.

Harus diingat, kaunselor bukanlah motivator. Penceramah motivasi dan pengkuliah agama juga bukan kaunselor selagi mana mereka tidak berlesen dengan pihak kementerian yang mengawal selia penguatkuasaan Akta 580 tersebut.

Kaunselor terlatih ada lesennya yang khusus perlu bertatalaku dengan 'akhlak' dan disiplin keprofesionalan Akta Kaunselor 1998.

Nisbah seorang kaunselor berdaftar kepada 6,000 rakyat satu jurang cukup besar bagi negara ini. Dengan situasi gangguan emosi, tekanan manusia moden abad ke 21 yang wujud dalam pelbagai aspek termasuk tekanan kerja, kehidupan dan kewangan perlu dijadikan sandaran kepada kerajaan bagi memberikan penerafan khusus kepada perkembangan bidang psikologi dan bimbingan kaunseling ini secara lebih bersepadu.

Hari ini masalah melibatkan remaja dan orang muda Malaysia sudah semakin pelbagai dan unik. Pelbagai kes kecelaruan personaliti wujud yang mengundang jenayah dan merisikokan masyarakat. Ini memerlukan rawatan khusus.

Sudah tiba masanya perjawatan kaunselor terlatih di sektor awam ditambah dan diperluaskan. Ini selaras sebagai usaha pihak kerajaan bagi menyediakan tenaga terlatih yang boleh membantu negara 'merawat masyarakat' dari segi emosi dan minda mereka. Masalah peribadi rakyat akan menjadi masalah negara jika tidak segera dirawat. Kaunselor terlatih berkemahiran mengendalikan permasalahan sebegini.

Penulis Penyarah Kanan di Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM